Bukan saja guru, doktor juga takut lapor jenayah seksual terhadap kanak-kanak, remaja - KKM

Oleh Ruwaida Md Zain - Mac 16, 2024 @ 5:24pm
bhnews@bh.com.my



Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diiringi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said serta Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek bersama guru yang hadir pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam hari ini. - Foto NSTP/ FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Bukan hanya dalam kalangan guru, sebaliknya pegawai dan kakitangan kesihatan juga takut untuk membuat laporan polis berhubung kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak atau remaja yang diterima mereka.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Noor Raihan Khamal, bagaimanapun berkata pihaknya akur dengan undang-undang berhubung perkara itu mengikut Seksyen 19 Akta Kesalahan - kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

"Bukan saja guru yang takut hendak buat laporan polis, doktor, paramedik, anggota kesihatan pun takut hendak buat laporan (polis).

"Malah, sebelum ini di klinik kesihatan, kalau ada kes penderaan (seksual) ini, kita minta (rujuk) ke Pusat Krisis Bersepadu (OSCC), biarlah laporan dibuat di situ.

"Namun, kita sedar (ada Akta) Seksyen 19 di mana memberitahu semua bukan saja guru, ibu bapa tetapi sesiapa saja yang mengesyaki terjadi penderaan terhadap kanak-

kanak, kita perlu melaporkannya," katanya dalam Forum Ke Arah Melindungi Kanak-Kanak Usahasama, Peranan dan Sokongan Pihak Berkepentingan.

Beliau seorang daripada lima panel forum di Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini, hari ini.

Konvensyen itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Dr Noor Raihan berkata, KKM mengambil inisiatif untuk memberikan latihan kepada setiap anggota kesihatannya, terutama di klinik kesihatan.

"Sebab yang datang dengan aduan itu bukan penderaan, ada yang datang kerana kemurungan tetapi apabila kita terokai dan siasat sejarahnya, rupanya memang mangsa penderaan.

"Kemudian tanda-tanda lain juga seperti sakit semasa membuat air kecil, jangkitan penyakit kelamin (STD), HIV, kehamilan remaja.

"Itulah tanda-tanda yang selalunya mereka ini datang ke klinik kesihatan dan kita sudah melatih anggota kesihatan kita untuk mengenal pastinya. Dan mereka di klinik kesihatan juga boleh membuat 'first information report' untuk memudahkan dan mempercepatkan proses di OSCC," katanya.

Selain itu, katanya, KKM juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan latihan untuk memberikan kesedaran terutama kepada ibu bapa dan guru.

"Kesedaran pentingnya untuk mengenal pasti tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak dan melaporkannya.

Jangan takut lapor, lindungi kanak-kanak dan bawa mereka untuk mendapatkan rawatan dan pembuktian supaya keadilan dapat dilaksanakan," katanya.